

Peletakkan syiling terakhir itu mendapat tepukan gemuruh daripada pelajar dan tetamu yang hadir sambil berteriak dengan 1M alaysia itu, maka tercatatlah sejarah MBR dengan duit syiling 10 sen sebanyak 622,185 keping di Dataran Palapes universiti ini.

Di majlis itu, Pengarah Projek ECOSA Mohd Hafizi Ahmad bersama pasangan kembarnya Mohd Hafiza menerima sijil MBR daripada Dato' Joseph Salang sambil disaksikan oleh Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak dan Dato' Abdullah Morad.

Menurut Mohd Hafizi, usaha yang dijalankan oleh lebih 2,000 pelajar ECOSA, sejak Jumaat lalu hingga petang ini menunjukkan kepuasan dalam kalangan mereka kerana berjaya mendapat sijil MBR.

"Kami mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pihak kerana memberi sokongan dan sumbangan bagi menjayakan program ini sekaligus mencatatkan nama UUM dalam MBR," katanya lagi.

Terdahulu ketika berucap di majlis itu, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak bangga dengan usaha yang dijalankan oleh pelajar ECOSA dengan Jabatan Penerangan ini dan berharap aktiviti ini juga menunjukkan jalinan kerjasama yang dibentuk oleh pelajar pelbagai kaum sekaligus menggambarkan perpaduan kaum di negara ini.

Beliau berkata, sekiranya 23,000 pelajar di universiti ini yang mempunyai 70 persatuan masing-masing menjalankan satu projek seperti ini, pastinya dapat menjalinkan hubungan antara mereka dan merealisasikan gagasan 1Malaysia.

Sementara itu, Dato' Joseph ketika berucap di majlis itu mengucapkan tahniah kepada pelajar kampus ini kerana berjaya mencipta MBR.

Beliau berkata, kejayaan pelajar pelbagai kaum daripada UUM ini menunjukkan jalinan hubungan antara mereka bukan sahaja dalam bidang akademik malah dalam menjayakan sesuatu projek terutama bagi mengupas, memahami, menghayati dan memperkenalkan dasar kerajaan.

"Saya bangga dengan kejayaan yang dicapai ini bukan sahaja kerana usaha mereka untuk membina logo 1Malaysia tetapi usaha yang dijalankan untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menyalurkan pula kepada badan-badan kebajikan di negeri ini," katanya ketika berucap di majlis penutupan Program Merentas Kampus yang diadakan di UUM.

Habis.

DARIPADA :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283013 / 3012 / 3008
FAX : 04-9283016
E-MAIL: ukkuum@uum.edu.my